

07/01/2001

Tiga nama disebut-sebut bakal ganti Abdul Hamid

KUALA LUMPUR: Tiga nama disebut-sebut bagi menggantikan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang meletakkan jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kelmarin.

Mereka ialah Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Pengganti Dr Abdul Hamid akan diisi dalam rombakan Kabinet yang dijadual minggu depan, selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang dari Myanmar.

Menurut sumber, pelantikan bukan ahli politik ke jemaah menteri bukan luar biasa kerana sebelum ini, seorang tokoh akademik, Tan Sri Musa Mohamad turut dilantik sebagai Menteri Pendidikan.

Pihak media masa setakat ini menyebut beberapa nama yang berpotensi menggantikan Abdul Hamid. Bagaimanapun, mereka akan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara terlebih dahulu bagi membolehkan mereka memegang jawatan Kabinet.

Pemilihan Mufti Johor yang berkelulusan Universiti Al-Azhar Mesir bagi mengambil alih tempat Abdul Hamid bertiup kencang berikutan pertemuan Dr Mahathir pada majlis makan tengah hari bersama Sultan Johor di Istana Bukit Serene, baru-baru ini.

Sumber berkata, Dr Mahathir mungkin mahu memperkuatkan lagi Umno Johor yang kekurangan wakil dalam Kabinet sekarang selepas Datuk Seri Mohammed Rahmat digugurkan daripada Kabinet sebelum ini.

Sementara itu di Johor Bahru, spekulasi pelantikan Nooh sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dianggap wajar berikutan tidak ada muka baru dari Johor yang dilantik sebagai menteri penuh selepas pilihan raya umum lalu.

Sumber Umno negeri berkata, Johor yang memenangi 100 peratus kerusi dalam pilihan raya itu termasuk 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 20 Parlimen sepatutnya mempunyai seorang muka baru yang dilantik sebagai menteri penuh.

Beliau berkata, kenaikan pangkat dua timbalan menteri iaitu Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai Menteri Belia dan Sukan serta Datuk Ong Ka Ting sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dianggap tidak mencerminkan keadaan itu.

Sebelum ini, Hishammuddin dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri manakala Ong sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri.

"Johor mempunyai banyak tokoh yang boleh diketengahkan tetapi mereka tercicir dalam senarai menteri Kabinet.

"Jika ada rombakan Kabinet kali ini, adalah wajar calon dari Johor terutama Nooh diberi peluang menduduki kerusi menteri penuh. Ia selaras dengan prestasi Johor yang memberangsangkan ketika pilihan raya umum lalu," katanya.

Selain Hishammuddin dan Ong, muka lama yang dilantik sebagai menteri dari Johor ialah Tan Sri Muhyiddin Yassin (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Syed Hamid Albar (Menteri Luar), Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Pengangkutan) dan Datuk Chua Jui Meng (Kesihatan). Timbalan Menteri ialah S Subramaniam (Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Dua muka baru yang dilantik menganggotai Kabinet selepas pilihan raya

lalu ialah Dr Abdul Latiff Ahmad (Timbalan Menteri Sumber Manusia) dan Mohamed Khaled Nordin (Timbalan Menteri Kerja Raya).

Manakala dua Setiausaha Parlimen turut dilantik ialah Hashim Ismail (Kewangan) dan Dr Robia Kosai (Tanah dan Pembangunan Koperasi).

Sementara itu, Pengerusi Hal Ehwal Agama negeri, Hamzah Ramli berkata, kerajaan negeri menyokong penuh jika Nooh dilantik mengisi jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dikosongkan oleh Dr Abdul Hamid.

Ini, katanya, pelantikan itu adalah selaras dengan kedudukan dan ketokohan Nooh yang mendapat tempat di hati masyarakat Islam di seluruh negara.

"Di Johor, Nooh cukup disegani dan ideanya boleh diterima oleh setiap lapisan masyarakat. Bagi kita (kerajaan), pemilihannya menjawat jawatan itu amat tepat dan cukup sesuai ke arah penyatuan ummah," katanya.

Nooh yang berpendidikan Universiti Al-Azhar, Mesir adalah seorang tokoh yang sering dijemput bagi mengadakan ceramah serta cukup aktif dalam hal ehwal Islam di seluruh negara.

Jawatan itu kosong berikutan Abdul Hamid mengumumkan peletakan jawatannya semalam.

Sementara itu, Nooh ketika dihubungi enggan mengulas mengenai spekulasi itu.

"Minta maaf, ana (saya) tidak dapat memberi apa-apa komen kepada enta (anda)," katanya.

(END)